

KERAJAAN MALAYSIA
PEKELILING AM BIL. 4 TAHUN 1999
MODUL PENGURUSAN INTEGRITI

JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA

Dikelilingkan kepada:

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian Persekutuan
YB Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri
Ketua-ketua Pengarah Jabatan Persekutuan/Negeri
Ketua Pengarah/Pengurus Besar Badan-badan Berkanun
Pihak-pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA
JALAN DATO' ONN
50502 KUALA LUMPUR

Rujukan Kami: PM(S)10034 jld.8/(29)
Tarikh: 16 Julai 1999

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian Persekutuan
YB Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri
Ketua-ketua Pengarah Jabatan Persekutuan/Negeri
Ketua Pengarah/Pengurus Besar Badan-badan Berkanun
Pihak-pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

PEKELILING AM BIL. 4 TAHUN 1999

MODUL PENGURUSAN INTEGRITI

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan mewajibkan pelaksanaan Modul Pengurusan Integriti Dalam Kursus-Kursus Untuk Anggota Sektor Awam.

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) pada 25 Mac 1999 telah bersetuju supaya mewajibkan Modul Pengurusan Integriti Dalam Kursus-kursus Untuk Anggota Sektor Awam. Modul ini merupakan satu pakej latihan yang lebih komprehensif kerana menggabungkan aspek perundangan, teori dan praktikal.

3. Modul ini adalah selaras dengan tujuan yang terkandung dalam Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 tahun 1998 berkaitan dengan Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia. Arahan ini menghendaki supaya usaha-usaha pembanteras rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa ditangani secara menyeluruh, bersepadu dan terancang serta merangkumi bukan sahaja aspek pencegahan rasuah tetapi juga aspek kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti dalam pentadbiran Kerajaan.

PELAKSANAAN MODUL PENGURUSAN INTEGRITI

4. Melalui pelaksanaan Modul ini, kursus yang dijalankan adalah lebih tersusun, mantap dan bersepadu. Ia juga telah disesuaikan dengan keadaan semasa yang semakin mencabar bagi anggota sektor awam.

5. Pelaksanaan Modul Pengurusan Integriti adalah seperti berikut:

Tajuk Modul

6. Modul Pengurusan Integriti

Objektif Modul

7. Objektif utama Modul adalah untuk:

- (i) Meningkatkan kefahaman mengenai usaha-usaha memantapkan keutuhan pengurusan pentadbiran Kerajaan;
- (ii) Menyedarkan peserta kepada kesan-kesan buruk jenayah rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa kepada negara dan menyemaikan perasaan benci dan jijik teradap jenayah rasuah serta mengambil langkah-langkah untuk mencegahnya;
- (iii) Meningkatkan kemahiran peserta mengenai cara-cara menangani, menghindari dan mengambil tindakan mengatasi masalah rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa; dan
- (iv) Menggerakkan tindakan yang lebih berkesan untuk meningkatkan kerjasama bagi pencegahan dan pembenterasan rasuah secara bersepadu dan tersusun.

8. Objektif modul ini merangkumi aspek penting dalam latihan iaitu pengetahuan, sikap dan kemahiran.

Kumpulan Sasaran

9. Kumpulan sasaran yang dikenalpasti untuk menjalani modul ini dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu:

- i. Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau yang setaraf dengannya;
- ii. Kumpulan Pengurusan Profesional atau yang setaraf dengannya; dan

- iii. Kumpulan Sokongan atau yang setaraf dengannya.

STRATEGI PELAKSANAAN MODUL

Kaedah Pelaksanaan

10. Modul Pengurusan Integriti adalah diwajibkan kepada:
 - i. Kursus-kursus Induksi Umum/Kursus-kursus Asas;
 - ii. Kursus-kursus Kenaikan Pangkat; dan
 - iii. Kursus-kursus Pra Perkhidmatan;
11. Bagi Jabatan yang tidak menjalankan kursus-kursus di para 10 di atas, Ketua jabatan hendaklah mengadakan satu kursus khas mengenai Modul ini atau memasukkan ke dalam kursus dalam jabatan yang bersesuaian mengikut budibicara Ketua Jabatan masing-masing.

Tanggungjawab Pelaksana

12. Pelaksanaan Modul Pengurusan Integriti adalah tanggungjawab agensi yang menganjurkan kursus-kursus berkenaan seperti di para 10 dan 11 di atas.

Tenaga Pengajar

13. Tenaga Pengajar untuk Modul Pengurusan Integriti adalah terdiri dari Pegawai-pegawai INTAN, Badan Pencegah Rasuah, pegawai-pegawai sesebuah jabatan dan agensi masing-masing. Latihan kepada tenaga pengajar atau pegawai-pegawai yang terlibat memberi syarahan dalam kursus seperti di para 10 di institusi latihan atau jabatan dan agensi masing-masing akan dikendalikan oleh INTAN dan Badan Pencegah Rasuah.

Kandungan Modul

14. INTAN dan Badan Pencegah Rasuah adalah bertanggungjawab menyediakan pakej latihan yang lengkap mengenai pelaksanaan modul ini. Lampiran I merupakan garis panduan umum kandungan Modul Pengurusan Integriti.
15. Sebarang pertanyaan mengenai kandungan Pekeliling ini hendaklah dirujuk kepada Program Pengurusan Kewangan, INTAN Bukit Kiara, Kuala Lumpur atau Bahagian Komunikasi dan Pendidikan, Ibu Pejabat Badan Pencegah Rasuah, Kuala Lumpur.

TARIKH KUATKUASA

16. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(TAN SRI ABDUL HALIM ALI)

Ketua Setiausaha Negara

16 Julai 1999

GARIS PANDUAN KANDUNGAN MODUL PENGURUSAN INTEGRITI

A. KUMPULAN PENGURUSAN TINGGI

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

1. Pada akhir sesi ini, peserta kursus akan dapat:
 - i. Memahami Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 tahun 1998, fungsi Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP), struktur dan operasi JKP; dan
 - ii. Menggubal langkah dan kaedah bagi mengurus perlakuan rasuah, Penyelewengan dan salahguna kuasa.

KANDUNGAN MODUL

2. **SESI I – Pengenalan Kepada Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 tahun 1998 (masa: 90 minit)**
 - i. Kandungan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 tahun 1998, penubuhan dan struktur JKP.
 - ii. Fungsi, operasi dan sistem pelapor JKP.
 - iii. Peranan eksekutif atasan dalam menangani perlakuan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa.
3. **SESI II – Pengenalan Proses Penilaian Risiko dan Penyediaan Pelan Pengurusan Risiko (Masa: 90 minit)**
 - i. Model penilaian dan pengurusan risiko.
 - ii. Penggubalan strategi mengatasi risiko dan pelan pengurusan risiko.
 - iii. Kajian kes perlakuan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa dan cadangan penyelesaian.
4. **SESI III – Forum Integriti dan Akauntabiliti Dalam Perkhidmatan Awam (Masa: 90 minit)**

B. KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

1. Pada akhir sesi ini, peserta kursus akan dapat:
 - i. Memahami usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan untuk memantapkan pelaksanaan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998, fungsi Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP), struktur dan operasi JKO;
 - ii. Memahami proses penilaian dan pengurusan risiko;
 - iii. Memahami kaedah mengenalpasti tanda-tanda perlakuan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa dan kesalahan-kesalahan lain yang berkaitan dengan tata tertib anggota perkhidmatan awam; dan
 - iv. Memahami kaedah menangani dan membuat laporan berkaitan dengan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa dan kesalahan-kesalahan lain yang berkaitan tata tertib anggota perkhidmatan awam.

KANDUNGAN MODUL

1. **SESI I - Usaha-usaha Untuk Memantapkan Perkhidmatan Awam (masa: 90 minit)**
 - i. Penerapan nilai-nilai murni
 - ii. Pengenalan kepada Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 tahun 1998.
 - iii. Penubuhan dan Struktur JKP.
 - iv. Fungsi dan operasi JKP
 - v. Sistem pelaporan JKP
2. **SESI II – Proses Penilaian dan Pengurusan Risiko (masa: 90 minit)**
 - i. Model penilaian dan pengurusan risiko.
 - ii. Penggubalan dan pelaksanaan pelan pengurusan risiko.
 - iii. Contoh-contoh pelan pengurusan risiko

SESI III – Tindakan Mengatasi Risiko dan Kaedah Pelaporan Rasuah, Penyelewengan dan Salahguna Kuasa (Masa: 90 minit)

- i. Mengenal tanda-tanda perlakuan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa.
- ii. Kaedah mengurus risiko dalam jangka pendek dan jangka panjang.
- iii. Sistem pelaporan perlakuan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa
- iv. Kajian kes perlakuan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa dan cadangan penyelesaian.

C. KUMPULAN SOKONGAN

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

1. Pada akhir sesi ini, peserta kursus akan dapat;
 - i. Memahami usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan untuk memantapkan pelaksanaan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 tahun 1998, fungsi Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP), struktur dan operasi JKP;
 - ii. Memahami secara asas undang-undang dan peraturan berkaitan dengan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa dan kesalahan-kesalahan lain yang berkaitan tatatertib anggota perkhidmatan awam;
 - iii. Memahami kaedah mengelakkan diri dari terlibat dengan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa dan kesalahan-kesalahan lain yang berkaitan dengan tatatertib anggota perkhidmatan awam; dan
 - iv. Memahami kaedah membuat laporan berkaitan dengan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa dan kesalahan-kesalahan lain yang berkaitan tatatertib anggota perkhidmatan awam.

KANDUNGAN MODUL

2. SESI I – Usaha-usaha Untuk Memantapkan Perkhidmatan Awam (Masa: 90 minit)

- i. Penerapan nilai-nilai murni

- ii. Pengenalan kepada Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 tahun 1998.
 - iii. Penubuhan dan struktur JKP
 - iv. Fungsi dan operasi JKP
 - v. Sistem pelaporan JKP
 - vi. Kesan-kesan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa jika tidak dibendung.
- 3. SESI II - Kesalahan Jenayah dan Tatatertib (Masa: 90 minit)**
- i. Undang-undang dan peraturan jenayah dan tatatertib
 - ii. Jenis-jenis kesalahan jenayah rasuah dan pelanggaran tatatertib
 - iii. Contoh-contoh kesalahan
- 4. SESI III – Tindakan Mengelak Perlakuan Salahlaku dan Kaedah Pelaporan Perlakuan Rasuah, Penyelewengan dan Salahguna Kuasa (Masa: 90 minit)**
- i. Menjaga taraf hidup.
 - ii. Mengelakkan dari berhutang dan terhutang budi.
 - iii. Bagaimana berkata 'tidak' kepada perlakuan-perlakuan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa.
 - iv. Bagaimana membuat laporan salahlaku dan perlindungan yang diberi kepada pelapor.

Nota:

- 1. Garis panduan ini tertakluk kepada sebarang pindaan terkini oleh Jawatan kuasa Kerja Penggubalan Kurikulum Pengurusan Integriti dan pakej modul yang lengkap telah disediakan.
- 2. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Program Pengurusan Kewangan, Institut Tadbiran Awam Negara, Kampus Utama Bukit Kiara atau Bahagian Komunikasi dan Pendidikan, Ibu Pejabat Badan Pencegah Rasuah.

